

TAWARAN HARGA

SEBUTHARGA BIL. 14/2017 :

PERKHIDMATAN MELANTIK PEMBEKAL PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN SME CORP. MALAYSIA 2016 (KERJA-KERJA KONSEP KREATIF, REKABENTUK, TYPESETTING DAN PERCETAKAN)

Garis panduan ini adalah untuk Pembekal yang ingin menawarkan sebut harga bagi menerbit dan membekal “Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2016”. Pembekal adalah dikehendaki menyediakan perkhidmatan kepada SME Corp. Malaysia yang meliputi perkara-perkara berikut:

- (i) Menyediakan Konsep Kreatif, Reka Bentuk dan *Typesetting*.
- (ii) Mencetak dan membekal sebanyak 650 naskah buku “Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2016” - termasuk 100 naskah yang dilabel dengan pelekat (*sticker*) “Kertas Statut”, pelekat (*sticker*) “Lampiran” dan pelekat (*sticker*) “Embargo” serta 70 naskah yang dilabel dengan pelekat (*sticker*) “Lampiran” dan pelekat (*sticker*) “Embargo” sahaja.
- (iii) Membekal 450 salinan “Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2016” dalam bentuk *softcopy* yang disimpan di dalam CD-ROM (berserta Bekas Simpanan / Case CD-ROM dan Kertas Kulit Bercetak / *Printed Cover Paper*) - termasuk 260 keping Case CD-ROM yang dilabel dengan pelekat (*sticker*) “Kertas Statut” dan 260 keping CD-ROM yang dilabel dengan pelekat (*sticker*) “Nombor Statut”.

A. SKOP KERJA

I. Konsep Kreatif, Reka Bentuk dan *Typesetting*

1. **Penyediaan Konsep Kreatif, Reka Bentuk dan *Typesetting*:**

Pembekal hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi di dalam penyediaan buku “Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2016”:

- i. Menyediakan **tiga (3)** Konsep Kreatif berserta Rasional Reka Bentuk (berasaskan Tema yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia) bagi Reka Bentuk Kulit Buku (*Cover Page*) yang dapat memaparkan isi kandungan buku tersebut untuk dipilih oleh pihak SME Corp. Malaysia. Konsep kreatif ini adalah **WAJIB** dikemukakan bersama-sama dokumen-dokumen berkaitan semasa penyerahan sebut harga. Walau bagaimanapun, jumlah Konsep Kreatif Reka Bentuk Kulit Buku (*Cover Page*)

berkemungkinan akan perlu ditambah, tertakluk kepada budi bicara dan keputusan pihak Pengurusan SME Corp. Malaysia).

- ii. Konsep Kreatif dan Reka Bentuk yang dicadangkan perlu berasaskan:
 - a) Peranan PKS sebagai penggerak ekonomi Malaysia.
 - b) Melambangkan imej Malaysia.
- iii. Menyediakan reka bentuk setiap muka surat.
- iv. Menyediakan Konsep Kreatif, *Typesetting*, Reka Bentuk Dalaman bagi Setiap Muka Surat yang meliputi Isi Kandungan (*Content*), Pembahagi Topik / Bab (*Separators*), Graf (*Graphs*), Diagram (*Diagrams*), Carta (*Charts*), Jadual (*Tables*), Gambar (*Photos*), Imej (*Images*) dan sebagainya.
- v. Menyediakan Graf yang bersesuaian dengan isi kandungan laporan. Graf haruslah menarik, kreatif dan seragam. Penggunaan warna dan saiz Graf haruslah bersesuaian iaitu tidak terlalu menonjol atau besar atau terlalu kecil.
- vi. Pereka Grafik harus bersedia untuk bekerja di premis SME Corp. Malaysia termasuk di luar waktu pejabat bagi memenuhi tarikh serahan yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia.

2. Spesifikasi Buku:

- i. Kertas untuk Kulit Buku (*Book Cover*) : Dicapadangkan oleh Pembekal.
(4 Warna / 4-Colour)
- ii. Kertas untuk Halaman Dalam Buku (*Inner Pages*) : Dicapadangkan oleh Pembekal.
- iii. Ukuran Buku : 20.3cm x 25.5cm (saiz tutup)
40.6cm (saiz buka)
Flip Page (selepas Kulit Depan / *Front Cover*) :
8.5cm x 25.5 cm
- iv. Cetakan : 4 Warna/4-Colour (Kulit Buku dan Halaman Dalam Buku)
- v. Bilangan Muka Surat : **190 - 230** muka surat
(tidak termasuk Kulit Buku / *Book Cover*)
- vi. Jilid : Jahit Benang + Gam
- vii. Jumlah Cetakan : **650** naskah
- viii. Kemasan : Dicapadangkan oleh Pembekal.
- ix. Pelekat (*Sticker*) "Kertas Statut" untuk Buku : Saiz - 20.3cm x 5cm
Kuantiti - **100** keping

- x. Pelekat (*Sticker*) “Lampiran” untuk Buku : Saiz - 4cm x 1.5cm
Kuantiti - **70** keping
- xi. Pelekat (*Sticker*) “Embargo” untuk Buku : Saiz - 11cm x 3.5cm
Kuantiti - **70** keping
- xii. Pelekat (*Sticker*) “Kertas Statut” untuk Case CD-ROM : Saiz - 12cm x 3cm
Kuantiti - **260** keping
- xiii. Pelekat (*Sticker*) “Nombor Statut” untuk CD-ROM : Saiz - 5cm x 1cm
Kuantiti - **260** keping
- xiv. Teks untuk Pelekat (*Sticker*) “Embargo”, “Kertas Statut” dan “Nombor Statut” : Akan diberikan oleh SME Corp. Malaysia kepada Pembekal.

3. Spesifikasi CD-Rom:

- i. Jumlah : **450** keping
- ii. Saiz : 700 mb
- iii. Permukaan atas CD-ROM mempunyai Reka Bentuk Kulit Depan (*Cover Design*) samada dicetak atau berpelekat.
- iv. Menyediakan Bekas Simpanan (*Case*) CD-ROM berserta Kertas Kulit Bercetak (*Printed Cover Paper*).

4. Gambar, Imej dari *Image Bank* dan Ilustrasi *Vector*:

- i. Pembekal perlu menyediakan gambar atau imej bagi setiap bahagian dan muka surat dalam Laporan Tahunan 2016. Jumlah gambar dan imej dianggarkan sebanyak **100** keping.
- ii. SME Corp. Malaysia akan menyediakan gambar Ahli Perbadanan dan Pengurusan Kanan serta gambar dari program dan aktiviti yang dianjurkan oleh SME Corp. Malaysia.
- iii. Pembekal perlu menyediakan imej dari *image bank* dan ilustrasi *vector* di mana kos penggunaan imej dari *image bank* dan ilustrasi *vector* tersebut adalah ditanggung oleh Pembekal.

5. *Visual Mock-up*:

Pembekal adalah dikehendaki bertanggungjawab dalam memastikan pelaksanaan perkara-perkara seperti berikut:

- i. Menyediakan *Visual Mock-up* yang akan disemak oleh SME Corp. Malaysia.
- ii. Menyediakan sekurang-kurangnya tiga (3) salinan *Visual Mock-up* Laporan Tahunan 2016 bagi tujuan semakan sebelum proses mencetak.
- iii. Menyemak dan memastikan tiada kesalahan dari segi ejaan dan data-data pada graf / diagram / carta / jadual dan sebagainya.
- iv. Menyediakan Pruf Warna / *Colour Proof* (sekurang-kurangnya **50** muka surat) yang perlu dipersetujui oleh SME Corp. Malaysia. Pruf Warna perlu dibuat menggunakan cetakan dari filem.
- v. SME Corp. Malaysia berhak menolak Pruf Warna yang dirasakan tidak berkualiti.
- vi. Menyedia dan memastikan filem untuk Pruf Warna disimpan dalam keadaan selamat dan baik untuk percetakan semula jika perlu.
- vii. Draf Akhir (*Final Artwork*) Laporan Tahunan 2016 perlu mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia sebelum dicetak.
- viii. Draf Akhir dalam bentuk *softcopy* (dalam format PDF dan Adobe InDesign) perlu diserahkan kepada SME Corp. Malaysia.

6. Proses Semakan dan Pembetulan:

Pembekal adalah dikehendaki menjalankan proses semakan dan pembetulan di SME Corp. Malaysia.

II. Kerja-karya Kawalan Kualiti dan Pembekalan

1. Selain melaksanakan kerja-kerja reka bentuk dan visual, Pembekal perlu memastikan pelaksanaan perkara-perkara seperti berikut:
 - i. Pembekal perlu melantik seorang kakitangan yang akan bertanggungjawab mengenai Kawalan Kualiti (*Quality Control*).
 - ii. Pembekal perlu menyerahkan Draf Akhir (*Final Artwork*) sebelum Pruf Warna (*Colour Proof*) dibuat.

2. Pereka Grafik

- i. Kelayakan Pendidikan:
Pereka Grafik hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai Diploma *Art & Design* (*Graphic Design / Visual Communication*) dengan pengkhususan dalam bidang Penerbitan atau yang setaraf dengannya;
- ii. Pengalaman:

- a. Mempunyai pengalaman membuat reka bentuk grafik sekurang-kurangnya selama **10** tahun.
- b. Mempunyai pengalaman mereka bentuk grafik sekurang-kurangnya untuk **10** penerbitan.
- c. Mempunyai pengalaman dan kemahiran tinggi membuat kerja-kerja *typesetting*.
- d. Syarikat mempunyai studio yang lengkap dengan kemudahan untuk membuat reka bentuk grafik.

3. Percetakan dan Pembekalan

- i. Mencetak “Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2016” sebanyak **650** naskah dan membekalkan **450** salinan *soft copy* dalam bentuk CD-ROM. Juga
- ii. Menyerah bahan terbitan yang telah siap dalam tempoh yang ditetapkan dan menepati waktu penghantaran.
- iii. Menyerahkan **dua (2)** salinan *softcopy (FINAL ARTWORK)* dalam CD-ROM dalam format PDF dan Adobe InDesign untuk Laporan Tahunan 2016 dan Kertas Kulit CD-ROM kepada SME Corp. Malaysia.
- iv. Menyerahkan **dua (2)** salinan Salinan Induk (*Master Copy*) (fail yang boleh digunakan semula / menghasilkan filem) (*FINAL ARTWORK*) untuk Laporan Tahunan 2016 dan Kertas Kulit CD-ROM kepada SME Corp. Malaysia.
- v. Kebolehan untuk mencetak Laporan Tahunan 2016 dalam jangkamasa lima (5) hari selepas mendapat kelulusan pihak pengurusan SME Corp. Malaysia.
- vi. Segala reka bentuk grafik dan percetakan yang diterbitkan adalah hak milik terpelihara SME Corp. Malaysia. Cetakan ulangan dan penerbitan semula sebarang imej dan maklumat di dalam Laporan Tahunan 2016 oleh mana-mana pihak lain tidak dibenarkan tanpa persetujuan SME Corp. Malaysia.
- vii. Penghantaran sebanyak **650** naskah dan **450** salinan CD-ROM perlu dibuat dalam jangkamasa atau pada tarikh yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia. Penghantaran lewat akan dikenakan caj mengikut formula yang ditetapkan.

4. Kelulusan Draf Akhir

Draf Akhir (*Final Artwork*) Laporan Tahunan 2016 perlu mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia sebelum dicetak.

B. SYARAT-SYARAT

- I. Pembekal perlulah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:
1. Mempunyai status **Syarikat Bertaraf Bumiputera** dan **berdaftar dengan Kementerian Kewangan**.
 2. Mempunyai kod bidang yang bersesuaian seperti berikut :
221601, 221613, 221614, 221615
Menyertakan sijil-sijil berkenaan yang sah sebagai bukti.
 3. Mengemukakan Profail Syarikat.
 4. **Mengemukakan perkara-perkara seperti di bawah semasa menawarkan sebut harga:**
 - i. Sekurang-kurangnya **lima (5)** cadangan reka bentuk (*proposed designs*), berasaskan **Tema** yang ditetapkan, dalam bentuk *Visual Mock-up* kepada SME Corp. Malaysia yang mengandungi perkara-perkara berikut:
 - a. Reka bentuk Kulit Depan (Front Cover).
 - b. Reka bentuk Kulit Belakang (Back Cover).
 - c. Reka bentuk Pembahagi Topik / Bab (*Separators*).
 - d. Reka bentuk Halaman Dalam Buku (*Inner Pages*).
 - e. Reka bentuk Halaman Tengah (*Centre Spread*) yang unik dan berdasarkan Konsep Kreatif.
 - f. Reka bentuk Graf, Diagram, Carta dan Jadual.
 - ii. Contoh kertas dan contoh fail PDF yang dicadangkan.
 - iii. Contoh penerbitan / laporan tahunan / majalah yang pernah diterbitkan oleh Pembekal.
 5. Pemilihan Pembekal akan dibuat berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria yang ditetapkan. Hanya Pembekal yang berjaya sahaja akan dihubungi.
 6. Pihak SME Corp. Malaysia berhak menamatkan kontrak yang diberi kepada Pembekal pada bila-bila masa sekiranya:
 - i. Tidak mematuhi Jadual Pengeluaran yang ditetapkan;
 - ii. Tidak memenuhi Skop Kerja yang telah dipersetujui;
 - iii. Tidak membekalkan bahan mengikut dalam Spesifikasi Kerja. Contoh: Jenis kertas.
 - iv. Lain-lain perkara yang diistilahkan sebagai “melanggari syarat”.
 7. Bayaran akan dibuat setelah pihak SME Corp. Malaysia berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan dan setelah menerima Invois daripada Pembekal.

8. Pembekal perlu memberikan **Kos bagi Menerbit dan Membekal Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2016** secara terperinci mengikut pecahan yang ditetapkan seperti di **LAMPIRAN 2** dan melengkapkan **Jadual Pematuhan** di **LAMPIRAN 3**. Sebarang ketidakpatuhan akan menyebabkan permohonan ditolak.

BIL.	BUTIRAN KERJA	KELUARAN 190 MUKA SURAT (RM)	KELUARAN 210 MUKA SURAT (RM)	KELUARAN 230 MUKA SURAT (RM)
1.	<p>Konsep Kreatif, Rekabentuk, Typesetting dan Percetakan Artwork</p> <p>a) Konsep Kreatif dan Reka Bentuk (berasaskan Tema yang ditetapkan)</p> <p>b) <i>Finished Artwork</i></p> <p>c) Pisah Warna Filem dan Pruf Warna (50 muka surat)</p> <p>d) Percetakan <i>Artwork</i></p> <p>e) Penyediaan <i>Visual Mock-up</i> (3 salinan)</p>			
2.	<p>Gambar, Imej dari <i>Image Bank</i> dan Ilustrasi <i>Vector</i></p> <p>a) Membekal gambar atau imej dalam anggaran 100 keping.</p> <p>b) Gambar berkaitan PKS</p> <p>c) Imej dari <i>Image bank</i></p> <p>d) Ilustrasi <i>Vector</i></p>			
3.	<p>Percetakan Buku</p> <p>a) Jumlah : 650 Naskah Saiz Tutup : 20.3cm x 25.5cm Saiz Buka : 40.6cm <i>Flip Page</i> (selepas Kulit Depan / <i>Front Cover</i> atau Kulit Belakang / <i>Back Cover</i>) : 8.5cm x 25.5 cm</p> <p>b) 4 Warna / 4-Colour (Kulit & Halaman Dalam)</p>			

BIL.	BUTIRAN KERJA	KELUARAN 190 MUKA SURAT (RM)	KELUARAN 210 MUKA SURAT (RM)	KELUARAN 230 MUKA SURAT (RM)
	c) Jenis Kertas : <ul style="list-style-type: none"> • Kulit : Dicapangkan oleh Pembekal • Teks : Dicapangkan oleh Pembekal d) Kemasan : Dicapangkan oleh Pembekal e) Jilid : Jahit Benang + Gam			
4.	Membekal Softcopy (CD-ROM) a) Jumlah : 450 keping b) Saiz : 700 mb c) Permukaan atas CD-ROM samada dicetak atau berpelekat Reka Bentuk Kulit Depan (<i>Cover Design</i>). d) Bekas Simpanan (<i>Case</i>) CD-ROM berserta Kertas Kulit Bercetak (<i>Printed Cover Paper</i>)			
5.	Pembekalan Sticker a) Pelekat (<i>Sticker</i>) “Kertas Statut” (100 keping) untuk Buku <ul style="list-style-type: none"> • Saiz : 20.3cm x 5cm • Hitam / Putih : Untuk ditampal pada Buku • Teks : Akan dibekalkan kepada Pembekal b) Pelekat (<i>Sticker</i>) “Lampiran” (70 keping) & “Embargo” (70 keping) untuk Buku <ul style="list-style-type: none"> • Saiz : 4cm x 1.5cm • Saiz : 11cm x 3.5cm • Hitam / Putih : Untuk ditampal pada Buku c) Pelekat (<i>Sticker</i>) “Kertas Statut” untuk <i>Case</i> CD-ROM (260 keping) dan “Nombor Statut” untuk CD-ROM			

BIL.	BUTIRAN KERJA	KELUARAN 190 MUKA SURAT (RM)	KELUARAN 210 MUKA SURAT (RM)	KELUARAN 230 MUKA SURAT (RM)
	(260 keping) <ul style="list-style-type: none"> • Saiz : 12cm x 3cm • Saiz : 5cm x 1cm • Hitam / Putih : Untuk ditampal pada Case CD-ROM dan CD-ROM • Teks : Akan dibekalkan kepada Pembekal 			
Jumlah Harga (RM)				
GST (6%) <i>*Sila kemukakan bersama salinan surat pendaftaran GST dengan Kastam</i>				
JUMLAH KESELURUHAN				

Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar.

.....

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Syarikat :